



JABATAN MUFTI NEGERI KEDAH
IRSYAD AL-HUKMI

TATACARA PENGGUNAAN DANA TABUNG ANAK YATIM

- 1) Islam amat mengambil berat kebajikan anak yatim. Hal ini merujuk kepada firman Allah ﷺ;

وَإِذْ أَخْدُنَا مِيثَقَ بَنِي إِسْرَئِيلَ لَا تَعْبُدُونَ إِلَّا اللَّهُ وَبِأَنَّ الَّذِينَ إِحْسَانًا وَذِي الْقُرْبَىٰ وَالْيَتَامَىٰ وَالْمَسَاكِينَ وَقُولُوا لِلنَّاسِ حُسْنًا وَأَقِيمُوا الصَّلَاةَ وَءَانُوا الرِّزْكَوْهُ ثُمَّ تَوَلَّتُمُ إِلَّا قَلِيلًا مِّنْكُمْ وَأَنْتُمْ مُّغَرَّضُونَ.¹

Maksudnya; *Dan (ingatlah), ketika Kami mengambil janji dari Bani Israil (iaitu): Janganlah kamu menyembah selain Allah, dan berbuat kebaikanlah kepada ibu bapa, kaum kerabat, anak-anak yatim, dan orang-orang miskin, serta ucapkanlah kata-kata yang baik kepada manusia, dirikanlah solat dan tunaikanlah zakat. Kemudian kamu tidak memenuhi janji itu, kecuali sebahagian kecil daripada kamu, dan kamu selalu berpaling.*

- 2) Takrif Anak Yatim:

- 2.1 Dari segi bahasa yatim bermaksud bersendirian (الإنفراد), lemah (الضعف) lambat / perlahan (البطء) dan memerlukan (الحاجة). Sifat-sifat berkenaan kebiasaannya terdapat pada seseorang anak yatim.
- 2.2 Menurut kebiasaan orang Arab, anak yatim adalah mereka yang kematian bapa.
- 2.3 Dari segi istilah Syarak, yatim pada dasarnya merujuk kepada kanak-kanak yang telah kehilangan bapa dan belum mencapai usia

¹. البقرة : 83

baligh. Dalam sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Ali bin Abi Talib ؓ, bahawa Nabi ﷺ bersabda:

لَا يُتَمَّ بَعْدَ اخْتِلَامٍ.²

Maksudnya: "Tidak ada keyatiman setelah baligh."

3) Pembahagian Yatim:

- 3.1 Yatim Hakiki iaitu seorang kanak-kanak (lelaki atau perempuan) yang kematian ayahnya ketika masih kecil atau sebelum baligh.
- 3.2 Yatim Hukmi merangkumi beberapa perkara yang menyebabkan seseorang itu layak untuk dinisbahkan sebagai anak yatim antaranya;
- i) Anak-anak yang kehilangan bapa samada hidup atau mati.
 - ii) Anak yang ditemui di jalanan tanpa diketahui ibu dan bapanya (اللقيط).
 - iii) Anak yang ibu bapanya berpisah / bercerai ketika masih hidup sedangkan dia tidak mendapat pembelaan dari sudut nafkah hidup dan lain-lain.
 - iv) Anak yang ibu bapanya berada dalam tahanan (أولاد الأسرى) berdasarkan firman Allah ﷺ;

وَيُطْعَمُونَ الطَّعَامَ عَلَى حُبْهِ مِسْكِينًا وَيَتِيمًا وَآسِيًّا.³

Maksudnya; *Dan mereka memberikan makanan yang disukainya kepada orang miskin, anak yatim dan orang yang ditawan.*

- 4) Syariat Islam mementingkan pelindungan dan pemeliharaan terhadap anak yatim termasuk berlaku adil, ihsan dan menyempurnakan hak-hak mereka.
- 5) Walaupun anak yatim berhak menerima apa juu bentuk bantuan sehingga usia baligh namun pelaksanaan kebajikan mereka harus dilanjutkan sekiranya masih memerlukan bantuan dan pembiayaan untuk tujuan kebajikan, pendidikan, perubatan dan seumpamanya berdasarkan uruf semasa. Hal ini merujuk kepada kaedah "*perkataan yang digunakan adalah perkara yang telah terjadi daripada makna asal*" (اعتبار ما كان) dari aspek "al haliyyah" iaitu keperluan yang tinggi terhadap saraan kehidupan mereka disebabkan ketiadaan bapa.
- 6) Lebih-lebih lagi dalam konteks negara kita, kebiasaanannya anak yatim yang telah baligh masih berada di bangku persekolahan peringkat menengah dan pengajian tinggi. Oleh yang demikian, sokongan dan dokongan pelbagai pihak amat

² رواه ابو داود (2873)
³ الإنسان : 8

diperlukan demi mencapai matlamat yang dimaksudkan dan ini lebih menepati maslahah dalam pembelaan hak anak yatim sehingga membawa kepada keselesaan hidup mereka.

- 7) Justeru, bagi merealisasikan hasrat murni tersebut, dicadangkan supaya nama tabung tersebut dibuat penambahbaikan kepada “Tabung Dana Anak Yatim / Faqir Miskin” bagi membuka ruang dan peluang kepada anak yatim yang telah mencapai usia baligh yang kurang berkemampuan turut sama mendapat manfaat daripada tabung berkenaan sekaligus mengelak pertikaian pada masa akan datang. Wallahu a’alam.

TARIKH KEPUTUSAN : 18 APRIL 2021